

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 28 November 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI OKTOBER 2023

JUMLAH PERDAGANGAN MALAYSIA BERNILAI RM239.5 BILION DAN LAPAN NEGERI MENCATATKAN PENINGKATAN PADA BULAN OKTOBER 2023

PUTRAJAYA, 28 November 2023 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM239.5 bilion pada Oktober 2023 dengan nilai eksport RM126.2 bilion dan import bernilai RM113.3 bilion seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI OKTOBER 2023**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport Malaysia pada Oktober 2023 bernilai RM126.2 bilion, menurun sebanyak RM5.8 bilion (-4.4%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM2.4 bilion), Sarawak (-RM1.9 bilion), Sabah (-RM1.5 bilion), Melaka (-RM495.0 juta), Negeri Sembilan (-RM328.9 juta), W.P. Labuan (-RM241.6 juta), W.P. Kuala Lumpur (-RM196.3 juta) dan Perlis (-RM12.7 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat di Kedah sebanyak RM745.2 juta, Selangor (+RM478.6 juta), Terengganu (+RM281.5 juta), Pahang (+RM94.2 juta), Pulau Pinang (+RM67.3 juta), Perak (+RM60.6 juta) dan Kelantan (+RM23.3 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 30.9 peratus, diikuti oleh Johor (20.9%), Selangor (18.2%), Sarawak (7.9%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.3%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan Oktober 2023 juga menurun RM193.1 juta (-0.2%) berbanding bulan yang sama pada 2022. Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM4.3 bilion), Pulau Pinang (-RM1.9 bilion), Kedah (-RM1.2 bilion), Melaka (-RM487.2 juta), Sarawak (-RM64.5 juta) dan Kelantan (-RM5.3 juta). Walau bagaimanapun, nilai import meningkat di W.P. Kuala Lumpur sebanyak RM2.9 bilion, Selangor (+RM2.2 bilion), Negeri Sembilan (+RM1.4 bilion), Pahang (+RM743.5 juta), Perak (+RM328.2 juta), W.P. Labuan (+RM304.3 juta), Sabah (+RM229.3 juta), Terengganu (+RM99.3 juta) dan Perlis (+RM7.9 juta).


Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan 25.9 peratus, diikuti oleh Johor (24.3%), Pulau Pinang (19.2%), W.P. Kuala Lumpur (8.2%) dan Kedah (5.5%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “**Statistik Nadi Kehidupan**”.

**Carta 1: Data Siri Masa Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor,
Oktober 2022 – Oktober 2023 (RM Bilion)**



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Oktober 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
28 NOVEMBER 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PRESS STATEMENT

FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE OCTOBER 2023

MALAYSIA'S TOTAL TRADE AMOUNTED TO RM239.5 BILLION AND EIGHT STATES RECORDED AN INCREASE FOR OCTOBER 2023

PUTRAJAYA, 28 November 2023 – Malaysia's total trade for October 2023 amounted to RM239.5 billion with exports and imports recorded RM126.2 billion and RM113.3 billion, respectively as reported today in **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE OCTOBER 2023**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports was valued at RM126.2 billion in October 2023, decreased RM5.8 billion (-4.4%) as compared to the same month of the previous year. The decrease in exports was attributed to the lower exports in most states such as Johor (-RM2.4 billion), Sarawak (-RM1.9 billion), Sabah (-RM1.5 billion), Melaka (-RM495.0 million), Negeri Sembilan (-RM328.9 million), W.P. Labuan (-RM241.6 million), W.P. Kuala Lumpur (-RM196.3 million) and Perlis (-RM12.7 million). However, exports increased in Kedah by RM745.2 million, Selangor (+RM478.6 million), Terengganu (+RM281.5 million), Pahang (+RM94.2 million), Pulau Pinang (+RM67.3 million), Perak (+RM60.6 million) and Kelantan (+RM23.3 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 30.9 per cent share, followed by Johor (20.9%), Selangor (18.2%), Sarawak (7.9%) and W.P. Kuala Lumpur (4.3%).

Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports also decreased RM193.1 million (-0.2%) in October 2023 as compared to the same month in 2022. The decrease in imports was attributed by the lower imports in most states such as Johor (-RM4.3 billion), Pulau Pinang (-RM1.9 billion), Kedah (-RM1.2 billion),

Melaka (-RM487.2 million), Sarawak (-RM64.5 million) and Kelantan (-RM5.3 million). However, imports increased in W.P. Kuala Lumpur by RM2.9 billion, Selangor (+RM2.2 billion), Negeri Sembilan (+RM1.4 billion), Pahang (+RM743.5 million), Perak (+RM328.2 million), W.P. Labuan (+RM304.3 million), Sabah (+RM229.3 million), Terengganu (+RM99.3 million) and Perlis (+RM7.9 million).

Selangor continued to dominate Malaysia's imports with a share of 25.9 per cent, followed by Johor (24.3%), Pulau Pinang (19.2%), W.P. Kuala Lumpur (8.2%) and Kedah (5.5%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "**Statistics is the Essence of Life**".

Chart 1: Time Series Data on Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor, October 2022 – October 2023 (RM Billion)




Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, October 2023



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28 NOVEMBER 2023